

TINDAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU) 6/2017/2018
TARIKH: 20 FEB 2018 (SELASA) BIL: 6 2017/2018

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
1.0	ALUAN PENERUSI		
	1.3 Proses Penerimaan Tesis Pengerusi membentangkan proses penerimaan tesis bagi tujuan VIVA. Pengerusi meminta pengurusan fakulti menyemak semula proses-proses penerimaan tesis bersama staf di fakulti sebelum menerima tesis pelajar bagi tujuan VIVA. Ini kerana terdapat fakulti yang menerima tesis pelajar yang belum menghantar Notis Menghantar Tesis mahupun pelajar yang belum mendaftar kursus bagi semester tersebut.	Tindakan : Semua Fakulti	
	1.4 Permohonan Hadiah Akademik Pengerusi memaklumkan bahawa permohonan hadiah akademik telah dibuka dan hingga kini hanya seramai 89 permohonan. Statistik ini didapati masih lagi rendah berbanding permohonan bagi semester lepas. Pengerusi meminta fakulti membuat hebahan dan tarikh tutup permohonan ini adalah pada 14 Mac 2018.	Tindakan : Semua Fakulti	

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
3.0	PERKARA BERBANGKIT 3.1 Perkara Berbangkit Bagi Mesyuarat Japsu Bil 5/2017/2018		
	3.1.1 Beban Tugas Pensyarah Pengerusi meminta fakulti memberikan kod kursus Kaedah Penyelidikan yang mempunyai kosong kredit kepada AMD untuk dimasukkan di dalam sistem AIMS. Fakulti perlu berurusan terus kepada pejabat AMD mengenai perkara ini.	Tindakan : AMD/ Semua Fakulti	
	3.1.2 MOOCS oleh Fakulti Kejuruteraan Awam FKA memaklumkan bahawa MOOCS oleh FKA masih dalam proses dan akan membuat demo MPPCS di mesyuarat yang akan datang.	Tindakan : FKA	
	3.1.3 Program Online Degree Pengerusi memaklumkan deraf garis panduan <i>Open and Distance Learning</i> (ODL) sedang disediakan dan ahli task force ODL MDPS terlibat dalam penghasilan deraf tersebut. Pengerusi meminta semua fakulti <i>non-engineering</i> di UTM bersedia untuk melaksanakannya pada tahun ini. Sehubungan itu, Pengerusi mencadangkan agar program MBA di bawah AHIBS dijadikan sebagai 'pilot test' pelaksanaan ODL ini. AHIBS mengambil maklum dan akan membawa perkara ini ke JKA fakulti untuk dibincangkan. Bagi memastikan program ini dapat dijalankan dengan lancar, penyediaan dokumen Kod Amalan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (COP-ODL) perlu dilaksanakan terlebih dahulu.	Tindakan : AHBS	

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
6.0	PERAKUAN PERLANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR DOKTOR FALSAFAH		
	6.3.1 Pelajar Yusaini Hisham Mohamed (PM123071) Tajuk tesis penyelidikan pelajar adalah tidak sesuai dengan bidang tujahan bagi Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan tidak sesuai untuk dianugerahkan Doktor Falsafah (Kejuruteraan Mekanikal). Sehubungan dengan itu, mesyuarat mencadangkan program pelajar ditukarkan kepada generik di bawah Sekolah Pengajian Siswazah. Fakulti diminta untuk mendapatkan maklum balas daripada pelajar dan penyelia. Jika pelajar tetap mahu kekal dengan program asal, pelajar perlulah menonjolkan penyelidikan yang berkaitan Kejuruteraan Mekanikal.	Tindakan : FKM/AMD	
14.0	HAL-HAL LAIN		
	14.7 Kad Kredit Korporat Pemangku Timbalan Pendaftar diminta menyemak fakulti yang telah mendapat kad kredit korporat bagi tujuan pembelian tiket VIVA.	Tindakan : Pemangku Timbalan Pendaftar SPS	